



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SEMARAK AIDILFITRI 2025
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

11 APRIL 2025

**DEWAN SERBAGUNA
PERBADANAN LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dato' Suhaili – Ahli Parlimen Labuan

Ketua Pengarah – Datuk Seri Noridah

Encik Simsudin – Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan

Encik Sukuran – CEO Perbadanan Labuan

Ketua-Ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan – Dato' Fadlun, Dato'

Seri Maimunah, Dr. Amir, Datin Paduka Rahilah dan Encik Nik

Encik Md Fadzli Md Saad – Pengurus MAIWP Labuan

Saudara Roslee Matusin – Pengerusi MPP Labuan

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pemimpin-pemimpin Masyarakat

Rakan-rakan media

Saudara saudari sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kesempatan yang diberikan oleh-Nya untuk kita bersama-sama pada petang ini bagi meraikan satu program *signature* Jabatan Wilayah Persekutuan, iaitu Semarak Aidilfitri 2025 peringkat Labuan.
2. Terima kasih kepada semua tetamu sekalian yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis yang kita anjurkan ini. Aidilfitri yang kita masih raikan ini tidak sekadar menandakan akhirnya Ramadan, malah ia sebuah perhentian kerohanian yang mempertemukan kita dengan nilai keinsanan yang sebenar, yakni taqwa, ihsan dan keadilan sosial.
3. Ini juga pentas untuk kita menyuburkan persaudaraan, menjernihkan hati yang keruh dan membuka satu lembaran baharu yang dipenuhi dengan ukhuwwah. Hari ini juga melalui program Semarak Aidilfitri ini, kita menyaksikan bagaimana semangat Syawal ini diterjemahkan dengan kita menyantuni mereka yang memerlukan serta mendekati mereka yang mungkin terpinggir.
4. Kerana seperti yang saya selalu sebutkan, tidak ada ruang untuk rakyat Wilayah Persekutuan ini dipinggirkan. Sekiranya masih ada rakyat yang masih derita kemiskinan, saya telah arahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan untuk segera bantu melalui program-program kita seperti PUJI dan lain-lain.

MEMASYARAKATKAN DASAR, ELAK RAKYAT TERPINGGIR

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Penganjuran Semarak Aidilfitri ini juga merupakan lambang keutuhan nilai MADANI, iaitu satu nilai yang merangkul semua, tidak kira latar, tidak kira darjah. Ihsan yang kita raikan hari ini adalah tunjang kepada sebuah masyarakat yang sejahtera. Keadilan yang kita semai adalah benih kepada negara yang makmur, hormat yang kita suburkan adalah akar kepada perpaduan.
6. Dasar-dasar kerajaan hari ini tidak boleh lagi tinggal di atas kertas semata-mata. Ia mesti dihayati, difahami dan dilaksanakan dengan roh kemanusiaan. Insya-Allah, Kerajaan MADANI pada hari ini akan terus komited untuk memasyarakatkan dasar agar tiada sesiapapun yang terpinggir dari arus pembangunan yang pesat. Memasyarakatkan dasar ini bukan satu retorik, tetapi ia adalah satu iltizam yang menuntut keberanian untuk turun ke bawah dan mendengar denyut nadi rakyat.
7. Kerana itu, pada hari ini, bantuan akan diteruskan seperti tahun-tahun lalu, dengan agihan wang zakat sebanyak 200 ribu ringgit kepada 1,000 orang penerima asnaf melibatkan anak-anak yatim, pelajar tahlif dan fakir di Labuan ini. Terima kasih kepada MAIWP atas kerjasama strategik yang diberikan selama ini. Sudah pasti, terima kasih juga kepada pembayar-pembayar zakat di Wilayah Persekutuan.

8. Ini bukan sahaja satu bentuk bantuan kewangan, tetapi satu simbol keprihatinan dan keberkatan hasil zakat yang diurus secara telus, strategik dan penuh hikmah.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

9. Keharmonian yang kita kecapi di Labuan ini adalah sesuatu yang wajar kita syukuri. Pelbagai etnik, kepercayaan dan budaya di sini telah membentuk sebuah komuniti yang saling menghormati dan menyokong antara satu dengan yang lain.
10. Kerajaan MADANI ada iltizam yang kuat, ada tekad yang jelas untuk membangunkan Labuan dengan pendekatan menyeluruh dan inklusif, bukan sahaja dalam bentuk pembangunan fizikalnya, tetapi juga dalam aspek sosial dan kebijakan rakyatnya. Labuan mesti dibangunkan sebagai sebuah pulau yang makmur dan progresif dan boleh menjadi cerminan sebenar sebuah wilayah yang MADANI.
11. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru agar lebih banyak pihak korporat, NGO dan individu untuk tampilkan diri, turut serta dan bersama-sama saya dan pimpinan Jabatan Wilayah Persekutuan untuk membangunkan Labuan ini ke satu tahap yang lebih tinggi. Untuk itu, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Minal ‘Aidin Wal Faizin, Taqaballahu minna waminkum, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.